

12/01/1998

Anwar sertai Dialog Pasifik

KUALA LUMPUR, Ahad - Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Setiausaha Pertahanan Amerika Syarikat, William Cohen, adalah antara 63 pemimpin politik, pembuat dasar, sarjana dan wartawan Asia Pasifik yang akan menyertai Dialog Pasifik Keempat di sini bermula esok.

Persidangan tiga hari itu akan dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Ia dianjurkan bersama Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (Istis) Malaysia, Pusat Dasar Asia Pasifik (APPC) Washington dan Institut Kajian Dasar (IKD).

Petang ini, selain menerima kunjungan Cohen, Timbalan Perdana Menteri turut dikunjungi beberapa peserta dialog seperti bekas Setiausaha Negara Amerika Syarikat, Henry Kissinger dan Timbalan Menteri Luar Thailand, Dr Sukhumbhand Paribatra.

Dialog Pasifik dilancarkan di Pulau Pinang pada 1994 bermatlamat merapatkan jurang perbezaan geografi, budaya, ekonomi dan sejarah di kalangan negara Pasifik.

(END)